

# Isu pembunuhan orang utan: Malaysia tidak berdiam diri

UM - 21/5/2007

MIRI 20 Mei - Malaysia tidak akan berdiam diri berhubung tuduhan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Eropah yang mendakwa industri kelapa sawit di negara ini menyebabkan kemusnahan serius habitat orang utan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, satu delegasi khas akan dihantar ke Eropah selama dua minggu bermula 2 Jun ini bagi menangkis tohmahan NGO negara-negara Eropah itu.

Beliau sendiri akan mengetuai delegasi tersebut.

"Malaysia tidak boleh berdiam diri dengan dakwaan itu kerana ia boleh menjejaskan eksport komoditi berkenaan.

"Kita akan mengadakan dialog

bersama NGO di negara-negara Kesatuan Eropah (EU) seperti Belanda dan Britain untuk menjelaskan kedudukan sebenar industri kelapa sawit negara," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Fah Kui berkata, dakwaan NGO dari negara Barat kononnya Malaysia membuka ladang kelapa sawit secara besar-besaran dan bertindak memusnahkan habitat orang utan perlu diperbetulkan.

"Kita tidak pernah berbuat demikian. Kita mewujudkan begitu banyak kawasan rizab hutan semula jadi bagi pembiakan haiwan terancam berkenaan," katanya.

Menurut beliau, Malaysia akan mengetengahkan isu itu pada mesyuarat tahunan kementeriannya dengan Kementerian Pertanian In-

donesia yang akan berlangsung di Kuala Lumpur minggu depan.

"Isu kemusnahan habitat orang utan akan dijadikan topik perbincangan bersama pada mesyuarat itu nanti kerana orang utan bukan saja terdapat di Malaysia, malah juga di Indoensia.

"Justeru, kita mahu Indonesia lakukan perkara yang sama untuk menangkis tohmahan negara Barat," ujarnya.

Fah Kui berharap mesyuarat itu nanti dapat mencapai persetujuan bersama berhubung isu tersebut.

"Kita mahu Indonesia sedar bahawa isu orang utan yang cuba dieksploitasi NGO negara barat memberi kesan besar terhadap eksport komoditi kelapa sawit kedua-dua negara," katanya.